

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14 NOVEMBER 2016

'Kaum Cina perlu terus bersama BN'

BH- 14/11/2016

➔ Langkah
jamin
keseimbangan
wakil komuniti
dalam
pentadbiran
kerajaan

**Oleh Mohd Anwar
Patho Rohman
dan Ahmad Suhael Adnan**
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak mahu komuniti Cina terus bersama dan menyokong kepemimpinan Barisan Nasional (BN) bagi menjamin keseimbangan wakil kaum itu dalam pentadbiran kerajaan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan BN memerlukan sokongan komuniti Cina yang menjadi kaum kedua terbesar di negara ini untuk mentadbir negara secara seimbang bersama pemimpin kaum lain.

"Sehubungan itu, saya yang juga Pengerusi BN merayu kepada ko-

muniti Cina supaya terus bergerak bersama BN. Komuniti Cina perlu bertindak balas secara positif terhadap segala usaha dilakukan kerajaan BN bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara.

"Tetapi tuan-tuan kena tolong saya. Tidak sepatutnya anda minta macam-macam daripada BN tetapi apabila tiba waktu pilihan raya sokong DAP pula. Ia tidak boleh begitu," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung MCA Ke-63 di Wisma MCA, semalam.

Najib berkata, sebagai negara berbilang kaum, kerajaan BN memerlukan sokongan komuniti Cina bagi membolehkan kerajaan ditadbir dengan adil berdasarkan penyertaan pemimpin tertinggi komuniti dalam kerajaan.

"Takkan kaum Cina yang menjadi kaum kedua terbesar tiada wakil (dalam kerajaan). Sistem (pentadbiran) kita berasas bilangan kerusi. Jika kurang, kuranglah (kedudukan) dalam kerajaan.

"Kita tidak boleh melihat dalam kerajaan, penyertaan kaum Cina tidak seimbang dengan bilangan orang Cina di Malaysia," katanya.

Pakatan politik hipokrasi

Sementara itu, katanya, rakyat tidak boleh meletakkan masa depan negara kepada pakatan politik yang tidak memiliki elemen kejujuran atau dipercayai antara satu sama lain.

Katanya, kerjasama UMNO dan MCA selama 64 tahun sejak tahun 1952 adalah simbol kerjasama tulen antara dua parti politik yang

pernah wujud di negara ini.

Beliau berkata, ia berbeza dengan kerjasama politik dalam kalangan pembangkang khasnya yang terkini antara Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan DAP yang hanya satu gambaran pakatan politik hipokrasi.

"Anda sangka kerjasama pembangkang itu tulen? Anda fikir (Lim) Kit Siang (Penasihat DAP) suka (Tun Dr) Mahathir (Mohamad) (Pengerusi PBPM)? Anda fikir Mahathir suka Kit Siang?"

"Mahathir pernah kata Kit Siang rasis, anti-Melayu dan anti-Islam. Kit Siang pula kata Mahathir diktator, kroni dan macam-macam lagi.

"Pada saya ini politik hipokrasi tahap tertinggi. Mana boleh kita percaya kepada pakatan politik berdasarkan hipokrasi.